

Muhyiddin lancar strategi keselamatan siber negara bernilai RM1.8 bilion

Bernama - October 12, 2020 5:38 PM



Menteri Komunikasi dan Multimedia Saifuddin Abdullah membacakan ucapan perasmian Perdana Menteri Muhyiddin Yassin MCSS 2020-2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), hari ini.

KUALA LUMPUR: Kerajaan melancarkan Strategi Keselamatan Siber Malaysia (MCSS) 2020-2024 dengan peruntukan RM1.8 bilion bagi meningkatkan kesiapsiagaan keselamatan siber negara.

Perdana Menteri Muhyiddin Yassin berkata, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) diberi tanggungjawab menggubal, melaksana, memantau dan menyelaraskan pelan tindakan jangka sederhana itu.

Perdana menteri berkata, strategi itu dirangka bersandarkan 5 tonggak utama yang merangkumi 12 strategi, 35 pelan tindakan dan 113 program sebagai teras mekanisme keselamatan siber dalam berdepan apa jua bentuk serangan siber.

“Tonggak pertama, mempertingkatkan pengurusan tadbir urus dan keselamatan siber negara dengan menambah baik infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kritikal negara selain meningkat keupayaan menangani isu keselamatan siber secara efektif.

Start trading with Australia top rated brok

Trading on margin is high risk. Losses can exceed deposits. Eightcap Pty Ltd (AFSL 391441) trading as Blueberry Markets Group.

2020 UOB Painting of the Year

Share your best artwork and stand a chance to win

Selangor, KL, Putrajaya to be placed under CMCO on Wednesday

October 12, 2020 4:31 PM

From high-flying job to selling traditional delicacy

October 10, 2020 11:17 AM

Covid-19 case detected at

October 11, 2020 5:37 PM

Man with pink bracelet seen at Klang petrol station

October 10, 2020 7:50 PM

reported

October 11, 2020 6:28 PM

Umno tegang kerana tentangan kuat beberapa ahli Parlimen

"Dalam hal ini, Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara ditubuhkan dan saya melantik Menteri Kanan (Keselamatan) Ismail Sabri Yaakob sebagai pengerusi menerajui jawatankuasa ini," katanya dalam ucapan perasmian MCSS 2020-2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), hari ini.

Ucapan perdana menteri dibacakan Menteri Komunikasi dan Multimedia Saifuddin Abdullah.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KKMM Suriani Ahmad dan Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara (Keselamatan Strategik) Majlis Keselamatan Negara Khairul Shahril Idrus.

Perdana menteri berkata, tonggak ke-2 adalah memperkukuhkan penguatkuasaan jenayah siber dan perundangan sedia ada dengan meneliti semula undang-undang berkaitan serta mengubal undang-undang khusus mengenai keselamatan siber.

Beliau berkata tonggak ke-3 pula pemerksaan inovasi dan teknologi bertaraf dunia dalam bidang keselamatan siber dan keempat, mempertingkatkan pembangunan kapasiti serta tenaga mahir bidang keselamatan siber.

"Tonggak ke-5, memperkukuhkan kerjasama antarabangsa, iaitu dengan mengiatkan kerjasama peringat serantau dan antarabangsa bagi melindungi ruang siber negara," kata beliau. Muhyiddin menegaskan soal keselamatan siber negara terus menjadi keutamaan dalam agenda pertahanan dan keselamatan negara.

October 12, 2020 1:43 PM

SPECIAL FEATURES



New norms of feeding the needy in a time of pandemic

< Pertiwi soup kitchen founder
Munirah Abdul Hamid ura >

Start trading with Australia's top rated broker

Get started

Trading on margin is high risk. Losses can exceed...
Eightcap Pty Ltd (AFSL 391441) trading as Blueberry